

23 AUG 2002

JAMUAN ULANGTAHUN KE-20 DASAR PADANG KE TIMUR PADA RABU

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menganjurkan jamuan malam ulangtahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur pada 28 Ogos ini bagi meraikan kejayaan dasar itu.

Jurucakap Bahagian Latihan JPA berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tetamu kehormat dan dijadual menyampaikan ucapan pada jamuan itu.

Wakil-wakil kerajaan Jepun dan Korea Selatan dijadual menghadiri majlis itu, katanya kepada Bernama hari ini.

Inilah kali pertama sambutan ulangtahun seumpamanya diadakan sejak dasar itu diperkenalkan pada 1982.

Antara lain majlis itu akan diserikan dengan persembahan hiburan dan kebudayaan oleh artis tempatan serta Jepun dan Korea Selatan termasuk oleh para anggota alumni Dasar Pandang Ke Timur.

-- BERNAMA
AFY AFY NAK